

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 33

AKTA BUKU JURUBANK (KETERANGAN) 1949

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Bankers' Books (Evidence) Act 1949. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUHKAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

2

AKTA BUKU JURUBANK (KETERANGAN) 1949

Pertama kali diperbuat... 1949 (Ordinan No. 52
tahun 1949)

Disemak 1971 (Akta 33 m.b.d.
1 Julai 1971)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1993

Cetakan Semula Yang Kedua 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN KUALA LUMPUR
2006



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 33

AKTA BUKU JURUBANK (KETERANGAN) 1949






SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Cara pembuktian catatan dalam buku jurubank
4. Bukti bahawa buku ialah buku jurubank
5. Penentusan salinan
6. Kes yang dalamnya pegawai bank tidak boleh dipaksa mengemukakan buku, dsb.
7. Mahkamah atau Hakim boleh memerintahkan pemeriksaan
8. Kos



033b.fm Page 4 Monday, March 27, 2006 5:46 PM



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 33

AKTA BUKU JURUBANK (KETERANGAN) 1949

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai undang-undang keterangan yang berhubungan dengan buku jurubank.

[*Semenanjung Malaysia—1 Disember 1949,
Ord. No. 52 tahun 1949;
Sabah, Sarawak—1 Mei 1971,
P.U.(A)95/1971*]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Buku Jurubank (Keterangan) 1949.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bank” dan “jurubank” ertiannya mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan perbankan di Malaysia dan yang diperbadankan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia dan mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan sedemikian di Malaysia di bawah suatu lesen yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia berhubung dengan perbankan, dan juga mana-mana Bank Simpanan Nasional yang ditubuhkan di Malaysia;

“buku jurubank” termasuklah mana-mana lejar, buku harian, buku wang tunai, buku akaun dan apa-apa buku yang lain yang digunakan dalam urusan biasa sesuatu bank;

“Mahkamah” ertiannya Mahkamah Tinggi dan berkaitan dengan apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah Sesyen termasuklah Mahkamah itu;

“prosiding undang-undang” ertiannya apa-apa prosiding atau siasatan civil atau jenayah yang dalamnya keterangan diberikan atau boleh diberikan dan termasuklah sesuatu timbang tara.

Cara pembuktian catatan dalam buku jurubank

3. Tertakluk kepada Akta ini, salinan apa-apa catatan dalam buku jurubank hendaklah diterima dalam semua prosiding undang-undang sebagai keterangan *prima facie* mengenai catatan itu dan mengenai perkara, urusan dan akaun yang direkodkan dalamnya.

Bukti bahawa buku ialah buku jurubank

4. (1) Salinan sesuatu catatan dalam buku jurubank tidak boleh diterima sebagai keterangan di bawah Akta ini melainkan jika dibuktikan terlebih dahulu bahawa pada masa catatan itu dibuat buku itu ialah satu daripada buku biasa bank itu, dan bahawa catatan itu telah dibuat dalam perjalanan lazim dan biasa perniagaan, dan bahawa buku itu dalam jagaan atau kawalan bank itu.

(2) Bukti sedemikian boleh diberikan oleh seseorang pegawai bank itu, dan boleh diberikan secara lisan atau dengan afidavit yang dibuat dengan bersumpah di hadapan mana-mana majistret atau orang yang diberi kuasa untuk mengambil afidavit.

Penentusahan salinan

5. (1) Salinan sesuatu catatan dalam buku jurubank tidak boleh diterima sebagai keterangan di bawah Akta ini melainkan jika dibuktikan selanjutnya bahawa salinan itu telah diteliti bersama dengan catatan asal dan adalah betul.

(2) Bukti sedemikian hendaklah diberikan oleh seseorang yang telah meneliti salinan itu bersama dengan catatan asal, dan boleh diberikan sama ada secara lisan atau dengan afidavit yang dibuat dengan bersumpah di hadapan mana-mana majistret atau orang yang diberi kuasa untuk mengambil afidavit.

Kes yang dalamnya pegawai bank tidak boleh dipaksa mengemukakan buku, dsb.

6. Seseorang pegawai sesuatu bank tidak boleh, dalam mana-mana prosiding undang-undang yang dalamnya bank itu tidak menjadi satu pihak, dipaksa supaya mengemukakan mana-mana

buku jurubank yang kandungannya boleh dibuktikan di bawah Akta ini atau supaya hadir sebagai saksi untuk membuktikan perkara, urusan dan akaun yang direkodkan dalam buku itu, melainkan dengan perintah Hakim yang dibuat atas sebab khas.

Mahkamah atau Hakim boleh memerintahkan pemeriksaan

7. (1) Atas permohonan mana-mana pihak dalam sesuatu prosiding undang-undang Mahkamah atau Hakim boleh memerintahkan bahawa pihak itu bebas memeriksa dan membuat salinan mana-mana catatan dalam sesuatu buku jurubank bagi apa-apa maksud prosiding itu.

(2) Sesuatu perintah di bawah seksyen ini boleh dibuat sama ada dengan atau tanpa memanggil bank itu atau mana-mana pihak lain, dan hendaklah disampaikan kepada bank itu tiga hari genap sebelum perintah itu dikehendaki supaya dipatuhi melainkan jika Mahkamah atau Hakim mengarahkan selainnya.

Kos

8. (1) Kos apa-apa permohonan kepada Mahkamah atau Hakim di bawah Akta ini, dan kos apa-apa juga yang dilakukan atau dikehendaki supaya dilakukan di bawah sesuatu perintah Mahkamah atau Hakim yang dibuat di bawah Akta ini, hendaklah mengikut budi bicara Mahkamah atau Hakim itu, yang boleh memerintahkan supaya kos itu atau mana-mana bahagiannya dibayar oleh bank itu kepada mana-mana pihak jika kos itu telah disebabkan oleh apa-apa kesilapan atau kelewatan pada pihak bank itu.

(2) Apa-apa perintah sedemikian terhadap sesuatu bank boleh dikuatkuasakan seolah-olah bank itu ialah suatu pihak dalam prosiding itu.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 33

AKTA BUKU JURUBANK (KETERANGAN) 1949

SENARAI PINDAAN

| | | |
|-------------------------------|---|-----------------------|
| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
| P.U.(A)95/1971 | Perintah Ordinan (Keterangan) Buku Banker (Perluasan) 1971 | 01-05-1971 |

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 33

AKTA BUKU JURUBANK (KETERANGAN) 1949

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari

— TIADA —